

# PENYAMPAIAN CEK SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA ANGGOTA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5135-penyampaian-cek-sumbangan-kebaikan-kepada-anggota](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5135-penyampaian-cek-sumbangan-kebaikan-kepada-anggota)



ALOR SETAR, 25 Jun 19 - Satu Majlis penyerahan Cek Sumbangan Kebajikan kepada anggota telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat, Markas Kolej Tentera Udara.

Anggota yang menerima cek sumbangan kebajikan, LU I Khairul Afiq bin Ruzam yang telah kehilangan ibu beliau pada bulan Mac yang lalu. Beliau menerima sumbangan cek serta surat ucapan takziah dari Panglima Tentera Udara dan AKS Tadbir.

Komandan KTU, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM yang diiringi oleh Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Hamdan bin Ahmad TUDM telah menyampaikan sumbangan.